



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK • CENTRE FOR ACADEMIC MANAGEMENT

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5
Tarikh : 25 September 2023

PEKELILING AKADEMIK BIL. 31/2023

Semua Pelajar Program Prasiswazah

Saudara/i,

PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2023/2024

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimohon pelajar program prasiswazah Sesi Akademik 2023/2024 membaca dengan teliti pekeliling ini dan mengambil tindakan seperti berikut:

- 2.1. Pendaftaran Kursus Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024 akan dijalankan secara dalam talian melalui laman web <http://smplucee.ukm.my/smpweb>.
- 2.2. Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan Nombor Pin Pelajar (NPP) masing-masing untuk mengelakkan timbulnya masalah di kemudian hari.
- 2.3. Maklumat dan kemudahan untuk mendaftar kursus adalah seperti berikut:

Tarikh	Tahun	Aktiviti	Tempat
02.10.2023 – 08.10.2023	Satu (1)	Pendaftaran Kursus dan Tambah/Gugur Kursus	Secara dalam talian https://smplucee.ukm.my/smpweb
09.10.2023 – 22.10.2023	Terbuka	Tambah / Gugur Kursus Sahaja	
23.10.2023 – 05.11.2023	Terbuka	Gugur Kursus Sahaja	
06.11.2023 – 12.11.2023	Terbuka	Pengesahan Pendaftaran Kursus	
06.11.2023 – 03.12.2023	Terbuka	Tarik Diri Kursus Sahaja	



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8451/8388/8452/8454/8458/8459/8460/8461/8284


E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

- 2.4 Pelajar lama yang tidak membuat pendaftaran awal, bayaran denda RM50.00 akan direkodkan oleh Unit Kewangan Pelajar secara automatik.
- 2.5 Pelajar yang menggantung pendaftaran pada semester sebelumnya dan mendaftar selepas 9 Oktober 2023, bayaran denda sebanyak RM50.00 juga akan direkodkan oleh Unit Kewangan Pelajar secara automatik.
- 2.6 Pelajar dikehendaki mendaftar **tidak kurang daripada dua belas (12) kredit dan tidak lebih daripada dua puluh (20) kredit** pada tiap-tiap semester. Pendaftaran **kurang daripada dua belas (12) kredit atau lebih daripada dua puluh (20) kredit hanya dibenarkan dengan kelulusan khas daripada Dekan**. Sila pastikan fakulti telah mengemaskini dalam Sistem Maklumat Pelajar sebelum pelajar membuat penambahan kursus melalui SMPWeb.
- 2.7 Pelajar diwajibkan membuat pengesahan pendaftaran kursus pada minggu kelima semester iaitu bermula 6 – 12 November 2023 dan sebarang perubahan kursus selepas tempoh tersebut tidak akan diterima.
- 2.8 Pelajar adalah bertanggungjawab untuk:
 - 2.8.1. Mendaftar, menyemak dan mengesahkan semua kursus yang telah didaftarkan.
 - 2.8.2. Memastikan maklumat peribadi di dalam SMPWeb adalah terkini pada setiap semester seperti ejaan nama, alamat surat-menyurat, alamat emel dan no. kad pengenalan.
 - 2.8.3. Sentiasa prihatin mengenai notis dan pekeliling terbaharu yang dipaparkan oleh Pusat Pengurusan Akademik di dalam SMPWeb.
 - 2.8.4. Membuat semakan Laporan Akademik bagi memastikan keperluan pengijazahan dipenuhi dengan teratur.

Sebarang masalah atau pertanyaan mengenai perkara di atas, sila e-melkan kepada smpweb@ukm.edu.my / akad@ukm.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN
 Pengarah
 Pusat Pengurusan Akademik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8451/8388/8452/8454/8458/8459/8460/8461/8284

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 - Dekan, Fakulti Pendidikan
 - Dekan, Fakulti Pengajian Islam
 - Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 - Dekan, Fakulti Undang-Undang
 - Dekan, Fakulti Farmasi
 - Dekan, Fakulti Pergigian
 - Dekan, Fakulti Perubatan
 - Dekan, Fakulti Sains Kesihatan
 - Dekan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
 - Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi
 - Dekan, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
 - Dekan, Pusat Pengajian Citra Universiti
 - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
 - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Ketua Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari
 - Ketua Pustakawan, UKM
 - Ketua Pentadbiran, Fakulti/Pusat
 - Semua Pegawai Tadbir (Prasiswazah)
Fakulti/Pusat
 - Yang Dipertua
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUUKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8451/8388/8452/8454/8458/8459/8460/8461/8284

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik